

**PETIKAN TULISAN  
SUCI UNTUK  
DIHAFAL:**

Tetapi Maria menyimpan segala perkara itu di dalam hatinya dan merenungkannya.

(Lukas 2:19)

**AYAT SUCI  
MINGGU INI**

Bilangan 6: 22-27;

Mazmur 66: 2-3,5,6,8;

Galatia 4: 4-7;

Lukas 2: 16-21.



Published by:  
Peninsular Malaysia  
Pastoral Team

Email: [api@archkl.org](mailto:api@archkl.org)

EDARAN DALAMAN SAHAJA

BUL 01/2023

Semasa Krismas kita bukan sahaja diberi hadiah Yesus, tetapi juga hadiah Maria dan Yusuf, keluarga pertama - teladan untuk kita semua. Ia adalah contoh kasih sayang, penjagaan, kesederhanaan, kesatuan dan kepatuhan kepada firman Allah. Krismas bukan selalunya tentang hadiah, hiasan, gula-gula, manusia salji, Santa Claus dan mengecat bandar dengan merah & hijau. Ini mengenai meraikan kasih sayang, penjagaan, kebersamaan dan rasa hormat dalam keluarga kita, seperti yang dilakukan oleh keluarga Kudus di Betlehem.

Bagaimanakah Ibu Muda yang Terberkati ini, bahkan dapat memahami penyingkapan setiap peristiwa dalam hidupnya termasuk kunjungan para gembala seperti dalam Injil hari ini (Lukas 2:16-21)? Dia bukan seorang wanita luarbiasa. Dia adalah ibu dan Model hidup panggilan Gereja kita untuk Berharap, Percaya, Hidup dan Memberi, lebih-lebih lagi dalam keluarga kita hari ini, di mana kita telah menjadi hamba kepada kehendak dan pencarian jawapan di hujung jari kita.

Kadang-kala ketidakpastian yang mencabar dalam kehidupan memecahkan keluarga dan perhubungan kita semasa kita berjuang untuk mencari Allah dan pada masa yang sama mahukan sesuatu yang menghalang kita untuk hidup sepenuhnya. **Pendirian Maria sendiri dalam kehidupan keluarganya dapat dilihat dengan; kesabaran, penantian yang penuh sukacita, pengharapan kepada Allah, renungan dan doa.** Sedap bunyinya; sebenarnya hari ini kesemua ini mungkin tiada makna dan tempat di dalam hati sesetengah keluarga kita, sama seperti tiada ruang di rumah penginapan untuk Yesus, Maria dan Yusuf. Mungkin kita perlu berhenti dan melakukan pemeriksaan realiti iman semasa Krismas ini.

Jika Maria yang telah diberikan Yesus, betapa lebih lagi, dia mahu kita tahu bahawa Yesus sudah diberikan kepada keluarga kita? Maria dan Yusuf masih berkongsi Yesus dengan gembala walaupun "Tiada Bilik di Penginapan" di tempat yang paling sederhana. Kita perlu bertanya kepada diri sendiri di manakah tempat yang sederhana ini? Kita tidak akan menemui Allah di hujung jari kita tetapi di tempat yang paling sederhana iaitu hati kita. Kita perlu melawat semula IMANUEL yang sudah ada dalam keluarga kita pada Krismas ini. ❖

1 JANUARI 2023

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Raya Maria, Bonda Allah

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

FOKUS BULANAN: PENDIDIKAN

## KELUARGA KITA Semasa Krismas

Apabila kita merenungkan Keibuan Bonda Maria yang Terberkati, betapa hati kita dipenuhi dengan keajaiban, rasa syukur dan dengan keheningan hormat yang tidak dapat dijelaskan tentang kasih Allah yang tidak bersyarat bagi kita. Di hadapan kita berdiri seorang ibu, seorang isteri, seorang anak perempuan dan seorang wanita yang di tengah-tengah kegawatan menyahut seruan untuk menjadi ibu kepada Allah Yang Maha Esa. Kerana Maria, hari ini kita mendapat keistimewaan untuk dihubungkan dengan Allah melalui dia dalam keluarga kita dalam bentuk yang paling manusiawi, penuh harapan, rapuh dan nyata.

